



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 21 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	SEKTOR KORPORAT DISERU PERLUAS BANTUAN MENERUSI YKN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sektor-korporat-diseru-perluas-bantuan-menerusi-ykn	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	WUJUD KEMENTERIAN FOKUS KEBAHAGIAAN, KESEPIAN WANITA, WARGA EMAS, BUKAN URUS NEGARA SAJA		POSITIF
	https://majoriti.com.my/maya/2025/07/20/wujud-kementerian-fokus-kebahagiaan-kesepian-wanita-warga-emas-bukan-urus-negara-saja	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM CARI WARIS BAYI LELAKI DITINGGALKAN DI TAMAN RIA JAYA		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1242791/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-ditinggalkan-di-taman-ria-jaya	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	SARINGAN PERCUMA BANTU IBU BAPA KENAL PASTI ANAK ISTIMEWA		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/saringan-percuma-bantu-ibu-bapa-kenal-pasti-anak-istimewa/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	NORMAH ALAMI PTSD LEPAS 8 TAHUN HARUNGI PERKAHWINAN PENUH KEGANASAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1242701/normah-alami-ptsd-lepas-8-tahun-harungi-perkahwinan-penuh-keganasan?source=widget	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PERUBAHAN TINGKAH LAKU ISYARAT AWAL SEORANG PENDERA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1242708/perubahan-tingkah-laku-isyarat-awal-seorang-pendera	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PROGRAM EHATI: 90 INDIVIDU DIRAKAM KETERANGAN		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1422230/program-ehati-90-individu-dirakam-keterangan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/siasatan-program-ehati-90-individu-telah-dirakam-keterangan-530307	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/739506/berita/semasa/siasatan-program-ehati-90-individu-telah-dirakam-keterangan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/07/ehati-90-individu-dirakam-keterangan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/ehati-polis-rakam-keterangan-90-individu/	BULETINTV3.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=t199NuF9LNq	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BUDAK LELAKI DITEMUI TIDAK SEDARKAN DIRI DALAM KOLAM RENANG		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/budak-lelaki-ditemui-tidak-sedarkan-diri-dalam-kolam-renang/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/20/kanak-kanak-7-tahun-lemas-mandi-di-kolam-kondominium/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/20/kanak-kanak-lelaki-7-tahun-lemas-di-kolam-renang-rumah-inap/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/kanak-kanak-tujuh-tahun-lemas-di-kolam-kondominium/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.sinarharian.com.my/article/739515/berita/semasa/percutian-bertukar-duka-kanak-kanak-lelaki-lemas-dalam-kolam	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tragedi-percutian-kanakkanak-lelaki-lemas-dalam-kolam-530323	ASTROAWANI.COM	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/07/20/v-kanak-kanak-7-tahun-maut-lemas-di-kolam-renang-homestay	MSTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=75pDBILv8eQ	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	MENYAMAR 'DOKTOR', PERDAYA GADIS SUNTI SERAH GAMBAR BOGEL		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1422201/menyamar-doktor-perdaya-gadis-sunti-serah-gambar-bogel	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/20/remaja-terperdaya-serah-gambar-bogel-kepada-individu-menyamar-doktor/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/20/polis-siasat-doktor-perdaya-remaja-serah-gambar-bogel	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2447148	BERNAMA.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/749544	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-siasat-doktor-perdaya-remaja-serah-gambar-bogel-530289	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/20/polis-siasat-lelaki-menyamar-doktor-perdaya-pelajar-hantar-gambar-bogel/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/739504/berita/semasa/menyamar-doktor-tipu-pelajar-hantar-gambar-bogel	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=bfr0HDHUCpE	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sektor korporat diseru perluas bantuan menerusi YKN

Nasional - Dicipta: 20 Julai 2025 09:23 PM



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad

KUALA LUMPUR, 20 Julai – Sumbangan kewangan dan pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh rakan strategik kerajaan berpotensi memperluas capaian bantuan kepada lebih ramai golongan memerlukan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata sokongan padu daripada sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan amal serta individu dermawan amat digalakkan bagi memperkukuh inisiatif kebajikan yang digerakkan melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

"YKN berperanan sebagai pemacu utama dalam penyampaian bantuan kebajikan secara berskala besar dan tersusun. Namun, segala inisiatif ini tidak dapat dilaksanakan secara bersendirian. Ia memerlukan sokongan kukuh daripada sektor korporat.

"Oleh itu, saya menyeru semua pihak menyokong YKN sama ada melalui sumbangan kewangan, program CSR atau bentuk bantuan lain," katanya semasa merasmikan program Sustainability & CSR Award 2025.

Menurutnya, melalui YKN, pelbagai program telah dan sedang disalurkan kepada kumpulan sasaran seperti keluarga yang memerlukan, warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta kanak-kanak, sejajar dengan hasrat kerajaan meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat.

Tambah beliau, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) turut komited menjalankan pelbagai inisiatif, termasuk Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) yang memberi tumpuan kepada pembangunan bakat, kepimpinan dan keusahawanan dalam kalangan wanita muda, sebagai pelapis pemimpin masa depan.

Selain itu, kementerian juga menyokong pengoperasian Pusat Aktiviti Warga Emas (PaWE) di seluruh negara, sebagai pusat komuniti yang menyediakan aktiviti sosial, kesihatan dan pembelajaran khusus untuk warga emas.

Dr. Noraini menegaskan, setiap sumbangan kepada YKN dan agensi-agensi di bawah KPWK bukan sekadar dianggap sebagai derma, malah merupakan pelaburan sosial dalam usaha membina sebuah Malaysia yang lebih adil, inklusif dan sejahtera.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wujud kementerian fokus kebahagiaan, kesepian wanita, warga emas, bukan urus negara saja

CIUT NUR IF TITAH ROZELAN

SEHAT
Ahad, 20 Jul 2025
11:18 AM MYT



Trend global memperlihatkan pendekatan luar biasa oleh beberapa negara dalam merangka dasar-dasar mesra rakyat. — Gambar hiasan

DALAM dunia yang semakin kompleks, kerajaan di pelbagai negara semakin kreatif dan berani memperkenalkan kementerian unik yang berfokus pada kesejahteraan rakyat.

Malaysia sendiri melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan setiap golongan termasuk wanita, keluarga dan warga emas menerima perhatian sewajarnya.

Trend global memperlihatkan pendekatan luar biasa oleh beberapa negara dalam merangka dasar-dasar mesra rakyat.

Misalnya, Emiriah Arab Bersatu (UAE) menubuhkan Kementerian Kebahagiaan pada 2016, dengan misi menjadikan setiap dasar negara berpaksaan pada kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat.

Menteri pertamanya, Ohood Al Roumi mengetuai usaha UAE untuk menjadi antara negara paling bahagia di dunia.

Di India, sebuah kementerian yang dikenali sebagai Kementerian AYUSH ditubuhkan pada 2014 bagi mempromosikan gaya hidup sihat melalui amalan perubatan tradisional seperti Ayurveda, Yoga dan Homeopati.

Kementerian berkenaan turut memainkan peranan penting dalam memperkenalkan Hari Yoga Antarabangsa yang kini disambut di seluruh dunia dengan lebih 35,000 peserta.

United Kingdom (UK) pula menunjukkan keprihatinan unik dengan menubuhkan Kementerian Kesepian pada 2018 bagi menangani masalah kesepian dalam kalangan rakyatnya.



Hari Yoga Antarabangsa kini disambut di seluruh dunia. — Gambar hiasan

Tracey Crouch yang dilantik sebagai menteri pertama, memainkan peranan penting dalam menyusun strategi mengurangkan pengasingan sosial, terutama dalam kalangan warga emas.

Sementara itu, China terus memperlihatkan kecanggihan teknologinya dengan menubuhkan Kementerian Modifikasi Cuaca, bertujuan mengawal cuaca demi kepentingan awam seperti mengurangkan pencemaran dan mengelakkan kemarau.

Di Jepun, kesamarataan gender diterjemah melalui usaha menjaga kebersihan tandas awam.

Menteri Haruko Arimura pernah dikenali sebagai 'Menteri Tandas' atas usahanya memperjuangkan fasiliti awam yang bersih dan selamat, terutama untuk wanita dan kanak-kanak.

Melihat pada pendekatan inovatif tersebut, Malaysia boleh terus memperkukuh peranan KPWKM dalam memperluas skop dasar sosial yang inklusif dan progresif.

Bukan sekadar untuk menyelesaikan masalah, tetapi menjadikan kebahagiaan dan kesejahteraan sebagai objektif utama pentadbiran. — *Majoriti*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari waris bayi lelaki ditinggalkan di Taman Ria Jaya

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Sungai Petani: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda mengesan ibu bapa atau waris bayi lelaki yang diletakkan di Baby Hatch Orphan Care Foundation di Taman Ria Jaya, di sini.

Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda, Normazliza Ismail berkata, pihak bertanggungjawab membawa bayi itu ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) untuk mendapatkan rawatan.

Katanya, ketika ditemui, bayi itu lengkap berpakaian berserta dengan lampin yang bersih.

"Menurut pihak hospital, tali pusat bayi lelaki itu sudah dipotong dan dikepit dengan klip plastik.

"Namun tiada gigitan serangga pada bayi berkenaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, bayi itu juga turut diberi minum susu terlebih dulu sebelum ditinggalkan berikutan terdapat kesan susu di bibir bayi.

Menurutnya, bayi itu kini berada di Institusi JKM di bawah perintah jagaan sementara sebagaimana peruntukan seksyen 25 (2) Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016)

"Waris diminta tampil atau menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda di talian 04-4204900 atau hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda bagi memberikan maklumat untuk mengesan ibu kandung kanak-kanak," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



DR. Adam Al-Anas melihat proses saringan anak istimewa yang dijalankan bersempena program tersebut.

SARINGAN PERCUMA BANTU IBU BAPA KENAL PASTI ANAK ISTIMEWA

LIANA SAHARUDIN
AHAD, 20 JULAI 2025 @ 13:15

DUYONG 20 Julai – Menyedari kesukaran ibu bapa mendapatkan diagnosis awal untuk anak-anak berkeperluan khas, Program Saringan Anak Istimewa (SAI) telah dilaksanakan secara percuma bertempat di Surau Ar Redhuan, Taman Semabok Perdana, di sini.

Program selama dua hari cetusan idea Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Duyong, Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Halem itu dianjurkan oleh Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka dengan kerjasama Akademi Ikhlas khas bersempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong.

Menurut Pakar Kanak-Kanak dan Bayi PSH Melaka, Dr. Adam Al-Anas Mat Ali, program itu membuka ruang kepada ibu bapa untuk mendapatkan saringan awal serta panduan intervensi bagi anak-anak yang disyaki mengalami autisme.

“Anak-anak autisme ini mempunyai banyak kategori. Ada yang hiperaktif, mempunyai masalah pembelajaran, kelewatan pertuturan dan sebagainya.

“Idea ini datang daripada YB Helmy sendiri yang minta kami di PSH bersama Akademi Ikhlas menjayakannya.

“Beliau sedar betapa sukarnya ibu bapa mahu mendapatkan saringan awal. Malah, difahamkan janji temu di hospital kerajaan untuk ujian pendengaran sahaja pun boleh ambil masa hampir dua tahun,” katanya kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui pada program berkenaan yang diadakan di Surau Ar-Redhuan, Semabok, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengasas Akademi IKHLAS Pusat Intervensi Awal Kanak-kanak OKU, Norashikin Ismail.



DR. Adam Al-Anas sedang berkomunikasi bersama salah seorang anak istimewa (autisme).

Menurut Dr. Adam Al-Anas, melalui program itu, ibu bapa bukan sahaja mendapat maklumat tentang keadaan anak mereka, malah terus menerima cadangan intervensi bersesuaian secara langsung daripada pasukan pakar yang terlibat.

“Ramai anak nampak normal secara luaran, tetapi hanya apabila diberi perhatian lebih dekat, kita dapat kesan tanda-tanda gangguan perkembangan.

“Tanpa program seperti ini, kebanyakan ibu bapa tidak tahu apa yang perlu dilakukan,” katanya.

Selain PSH dan Akademi Ikhlas, program itu turut disokong oleh Jeperun Duyong, Hospital Melaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), sekolah pendidikan khas serta pakar psikologi dan terapi kanak-kanak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Normah alami PTSD lepas 8 tahun harungi perkahwinan penuh keganasan

Mohd Jamilul Anbia Md Denin, NurNazwa Alya Azman dan Hasbi Sidek
am@metro.com.my



NORMAH berkongsi kisahnya ketika ditemui wartawan. FOTO Aziah Azmee

Kuala Lumpur: "Saya dipukul suami dalam bilik hotel semasa percutan keluarga. Malah bapa mentua dan anak kecil saya menyaksikannya," luah Normah, 40-an, mengimbau detik hitam menjadi mangsa penderaan rumah tangga.

Hanya air mata menjadi saksi keperitan ditanggung selama lapan tahun mengharungi perkahwinan penuh keganasan dan penderaan mental.

Walaupun kini bebas dari belenggu penyesaan selepas diceraikan namun trauma yang dalam dan berpanjangan.

"Sehingga hari ini, saya masih alami gangguan *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD). Saya kerap alami mimpi ngeri, mudah panik dengan suara marah lelaki dan sukar mempercayai orang lain. Saya takut berada di ruang sempit.

"Bila terdengar suara tinggi atau pintu dihempas, saya jadi cemas dan nafas mula sesak," katanya dalam nada sebak.

Normah yang ditemui Metro Ahad mendedahkan, bekas suaminya bukan sahaja memukul malah mengawal setiap aspek kehidupannya, termasuk melarangnya daripada bersosial.

"Sebelum berkahwin pada 2016, saya seorang usahawan berjaya dan pernah memenangi tiga kali Anugerah Usahawan Cemerlang. Tetapi selepas kahwin, dia suruh saya berhenti kerja, jadi suri rumah sepenuh masa. Katanya isteri tidak perlu bekerja, hanya ikut arahan suami," jelasnya.

Nafkah yang diberikan pula jauh daripada mencukupi.

"Dia beri saya RM700 sebulan untuk perbelanjaan dua anak. Barang dapur, makan minum dan pakaian anak semua dari duit itu. Saya tak pernah diberi duit peribadi. Bil utiliti rumah pun ibu saya yang bayar walaupun kami tinggal di rumah ibu," katanya.

Topeng hipokresi bekas suami juga membuatkan Normah tersepit untuk bertindak kerana lelaki itu cukup pandai menjaga imej.

"Di luar, dia nampak penyayang. Ramai puji saya bertuah ada suami seperti dia. Tapi semuanya lakonan. Di rumah, saya kena marah hanya sebab hal kecil. Dia paksa saya faham kemahuan dia walaupun tak diberitahu. Saya penat mental dan emosi," katanya.

Penderaan fizikal, psikologi dan ekonomi yang dialami menyebabkan Normah mengalami kemurungan dan hilang keupayaan untuk berfungsi secara normal untuk satu tempoh yang lama.

"Bayangkan saya tak boleh bangun dari katil selama beberapa hari. Setiap kali teringat wajah dia, saya akan menggigil. Saya takut dia akan muncul semula," katanya yang kini mendapat rawatan kaunseling secara berkala.

Bagi Normah, perjuangannya masih belum tamat. Sebagai ibu tunggal, dia perlu terus bangkit demi dua anak yang menjadi kekuatannya.

"Saya masih trauma. Tapi saya tak akan biar anak-anak rasa apa yang saya rasa. Saya nak mereka tahu bahawa ibu mereka pernah sakit, tapi tak putus asa untuk berusaha sembuh," katanya.

Normah kini aktif menyertai program pemeraksaan wanita dan memberi sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga, agar kisah hitam yang menyimpannya menjadi pengajaran buat wanita lain agar tidak terus berdiam diri.

INFOGRAFIK

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 90 INDIVIDU DIRAKAM KETERANGAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 JUL 2025

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Kes program eHati

90 individu dirakam keterangan

Kuala Lumpur: Polis sudah mengambil keterangan 90 individu termasuk fasilitator, peserta dan kakitangan bagi membantu siasatan berhubung program motivasi rumah tangga (eHati).

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, ketika dihubungi, berkata polis kini sedang menjalankan siasatan secara menyeluruh, termasuk ri-

tual bertentangan dengan syarak.

Sementara itu, peguam kepada pengasas syarikat motivasi berkenaan, Datuk M Reza Hassan, berkata anak guamnya sudah dibebaskan dengan jaminan polis pada Jumaat lalu.

“Namun, mereka kini dalam siasatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Mereka disoal

siasat JAIS semalam (kelmarin) selepas dibebaskan dengan jaminan,” katanya.

Sebelum ini, polis Selangor mendedahkan, terdapat aktiviti bogel yang dilakukan oleh empat individu pada program eHati yang berlangsung di Pusat Konvensyen IDCC, Shah Alam pada 27 hingga 30 September tahun lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : AMBIL KETERANGAN DARIPADA 90 INDIVIDU

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 JUL 2025

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

SIASATAN KES PROGRAM MOTIVASI RUMAH TANGGA

Ambil keterangan daripada 90 individu

Kuala Lumpur: Polis mengambil keterangan daripada 90 individu bagi membantu siasatan berhubung penganjuran program motivasi rumah tangga di Shah Alam, Selangor pada tahun lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, semua individu berkenaan adalah fasilitator, peserta serta kakitangan syarikat berkenaan.

"Polis menjalankan siasatan menyeluruh termasuk ritual bertentangan syarak," katanya, semalam.

Sementara itu, peguam mewakili pengasas syarikat motivasi rumah tangga terbabit, Datuk M Reza Hassan berkata, anak guamnya dibebaskan dengan jaminan polis, Jumaat lalu.

"Namun, mereka kini

dalam siasatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Mereka disoal siasat JAIS semalam (kelmarin) selepas dibebaskan dengan jaminan," katanya.

Sebelum ini, polis mengesahkan wujud aktiviti bogel dilakukan empat individu pada program motivasi rumah tangga di Pusat Konvensyen IDCC, Shah Alam pada 27 hingga 30 September tahun lalu.

Aktiviti itu dilaporkan berlaku pada waktu malam yang dikenali sebagai *Queen's Night* yang dianjurkan syarikat terbabit.

Pada 16 Julai lalu, pasangan suami isteri pengasas program motivasi rumah tangga itu, seorang anak mereka dan tiga lagi individu direman tiga hari bagi membantu siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program eHati: 90 individu dirakam keterangan

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor - Julai 20, 2025 @ 12:47pm



KUALA LUMPUR: Polis sudah mengambil keterangan daripada 90 individu bagi membantu siasatan berhubung program motivasi rumah tangga (**eHATI**).

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata individu berkenaan membabitkan fasilitator, peserta dan kakitangan syarikat berkenaan.

"Polis kini sedang menjalankan siasatan secara menyeluruh termasuk ritual bertentangan dengan syarak," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Sementara itu, peguam pengasas syarikat motivasi berkenaan, Datuk M Reza Hassan berkata, anak guamnya sudah dibebaskan dengan jaminan polis kelmarin.

"Namun mereka kini dalam siasatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Mereka di soal siasat JAIS semalam selepas dibebaskan dengan jaminan," katanya.

Sebelum ini, polis mengesahkan terdapat aktiviti bogel dilakukan oleh empat individu pada program eHATI di Pusat Konvensyen IDCC, Shah Alam pada 27 hingga 30 September tahun lalu.

Hussein dilaporkan berkata, aktiviti itu berlaku ketika malam yang dikenali sebagai 'queens night' yang di anjurkan syarikat motivasi terbabit.

Pada 16 Julai lalu, pasangan suami isteri pengasas eHati, seorang anak mereka dan tiga lagi individu direman tiga hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 509 dan 294 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak lelaki ditemui tidak sedarkan diri dalam kolam renang

🕒 20 Julai 2025, 4:59pm



MELAKA: Seorang kanak-kanak lelaki ditemukan tidak sedarkan diri di kolam renang sebuah kondominium di Taman Kota Shahbandar, di sini, pagi tadi.

Laporan mengenai kejadian itu diterima pihak bomba jam 9.45 pagi, sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Melaka Tengah termasuk dua dari Pasukan Perkhidmatan Penyelamatan Perawatan Kecemasan (EMRS) dikejarkan ke lokasi.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka, Timbalan Penguasa Bomba II Mohd Hafidzatullah Rashid berkata sebaik tiba, mangsa yang berusia tujuh tahun sudah dikeluarkan dari kolam oleh orang awam dan tidak sedarkan diri.

"Anggota EMRS memberi bantuan awal pernafasan sebelum mangsa dibawa ke Hospital Melaka dan dirawat di Unit Rawatan Rapi," katanya.

Difahamkan, laporan berhubung kejadian dibuat di Balai Polis Tengkeru dan kes masih dalam siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : REMAJA TERPERDAYA SERAH FOTO BOGEL

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 JUL 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

POLIS TERIMA DUA LAPORAN

Remaja terperdaya serah foto bogel

Ipoh: Polis menyiasat dua laporan melibatkan kes seorang remaja perempuan 15 tahun diperdaya menyerahkan gambar bogel kepada individu yang kononnya 'dokter' melalui aplikasi Telegram.

Ketua Polis Daerah Manjung Asisten Komisioner Hasbullah Abd Rahman berkata siasatan awal mendapati mangsa menyerahkan beberapa

keping gambar bogel selepas diperdaya oleh suspek yang menyamar sebagai pegawai perubatan.

Beliau berkata suspek dipercayai menghubungi mangsa melalui Telegram dan memperkenalkan diri sebagai doktor yang menjalankan pemeriksaan kesihatan.

"Mangsa diminta memberikan maklumat diri dan keluarga serta meng-

hantar gambar tanpa pakaian kononnya bagi tujuan pemeriksaan kanser serviks dan payudara.

"Suspek menyatakan hanya perlu menggunakan gambar mangsa sahaja tanpa pemeriksaan secara fizikal. Mangsa menyedari dirinya ditipu selepas itu membuat laporan polis kerana bimbang gambar-gambar peribadinya tersebar," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : GIRL TRICKED INTO SENDING NUDE PIX TO 'DOCTOR'

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 21 JUL 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

SEXUAL OFFENCES AGAINST CHILDREN

GIRL TRICKED INTO SENDING NUDE PIX TO 'DOCTOR'

15-year-old made to believe she was taking part in virtual health screening, say police

ZAHRAHULHAYAT MAT ARIF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A 15-YEAR-OLD girl has become the latest victim of an online scam after being deceived into sending nude photographs of herself via the Telegram messaging platform to an individual posing as a medical officer.

District police chief Assistant Commissioner Hasbullah Abd Rahman said the teenager had believed she was participat-

ing in a virtual health screening for cervical and breast cancer.

He said the victim was instructed to submit personal and family information, along with several nude images, allegedly for medical purposes.

"The suspect convinced the victim that the procedure only required her photographs. The victim complied, believing it to be a legitimate request from a medical professional.

"Upon realising she had been scammed, the teenager lodged a report out of fear that the images may be shared online."

He added that police had so far received two related reports, and investigations were ongoing under Section 15(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

The offence carries a maximum penalty of 10 years' imprisonment, a fine of up to RM20,000, or both, upon conviction.

He urged parents, educators and the

public to remain vigilant and proactive in educating children about the dangers of sharing personal information or images online.

"This case highlights the critical need for awareness, especially among young people, about digital safety and online predators.

"We urge parents and schools to continuously remind children not to share personal data or images with strangers online," he said.

He added that the public was also advised to activate two-step verification on messaging apps like Telegram to protect their social media accounts from unauthorised access.

Anyone with information about the case can contact Inspector Nur Munawarah Ahmad at 011-16240391, the Manjung police headquarters operations room at 05-6886222, or the WhatsApp hotline at 017-6828005.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TEEN GIRLS TRICKED INTO SENDING NUDES

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 21 JUL 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Teen girls tricked into sending nudes

Fake doctor asked for the photos under the guise of cancer testing

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

IPOH: What started as a health check ordered by their 'teacher' turned into a digital trap for two teenage girls in Manjung.

They were referred to a bogus doctor who solicited nude photos under the guise of cancer screening.

Manjung OCPD Asst Comm Hasbullah Abd Rahman said the

victims, both 15, were asked to send photos to the bogus doctor on messaging app Telegram, purportedly for breast and cervical cancer examination.

"Both victims were contacted on the app by another person who assumed the identity of their school teacher," he said when contacted.

"They were then introduced to the 'doctor' who asked for personal and family information before

the photo request."

ACP Hasbullah said they were told that the photos would suffice without needing physical examination, he said in a statement on Saturday.

"The girls only realised they had been scammed after talking to the actual teacher.

"They lodged a police report as they were afraid that their photos would be circulated.

"The case is now being investi-

gated under Section 15(a) of the Sexual Offences Against Children Act," he added.

ACP Hasbullah urged the public, especially parents and school authorities, to be more alert when it comes to current crimes involving sexual offences against children.

"Children, especially pupils and students, should always be reminded not to easily share personal details with strangers.

"We also urge users to activate the two-step verification on the social messaging app as a means to protect their accounts," he added.

Those with information regarding the case can contact investigating officer Insp Nur Munawar Ahmad on 011-1624 0391 or the Manjung operations room at 05-688 6222 or WhatsApp Hotline at 017-682 8005, ACP Hasbullah said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : COPS PROBE CASE OF TEEN TRICKED INTO SENDING NUDE IMAGES

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 21 JUL 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Cops probe case of teen tricked into sending nude images

IPOH: Police are investigating two reports involving a 15-year-old girl who was deceived into sending nude photographs to a person posing as a medical doctor via the Telegram app.

Manjung police chief ACP Hasbullah Abd Rahman said preliminary investigations revealed that the girl had submitted several images after being misled by the suspect.

According to her, the suspect is believed to have made contact through the app and introduced himself as a doctor conducting remote health screenings.

"She was asked to provide personal and family details, along

with nude photographs, allegedly for cervical and breast cancer screening purposes.

"She was told that only the images were required and that no physical examination was necessary. The victim later realised she had been deceived and lodged a police report out of concern that the images might be leaked," said Hasbullah in a statement yesterday.

He said the case is being investigated under Section 15(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

Members of the public with information related to the case are urged to contact investigating officer

Insp Nur Munawarah at 011-1624 0391, the Manjung District Police Headquarters (IPD) Operations Room at 05-688 6222 or the police WhatsApp hotline at 017-682 8005 to assist with the investigation.

Hasbullah advised parents and the community to stay vigilant and be informed about issues involving sexual crimes against children.

He also advised against sharing personal information with unknown individuals, especially online.

"The public should activate the two-step verification security feature on Telegram as a measure to protect social media accounts and messaging platforms." – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Menyamar 'dokter', perdaya gadis sunti serah gambar bogel

BERNAMA - Julai 20, 2025 @ 11:50am



Foto hiasan.

IPOH: Polis menyiasat dua laporan seorang remaja perempuan berusia 15 tahun yang didakwa diperdaya menyerahkan gambar bogel kepada individu kononnya doktor melalui aplikasi Telegram.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Hasbullah Abd Rahman, berkata siasatan awal mendapati mangsa menyerahkan beberapa keping gambar bogel selepas diperdaya suspek yang menyamar sebagai pegawai perubatan.

Beliau berkata, suspek dipercayai menghubungi mangsa melalui Telegram dan memperkenalkan diri sebagai doktor yang menjalankan pemeriksaan kesihatan.

"Mangsa diminta memberikan maklumat diri dan keluarga serta menghantar beberapa keping gambar tanpa pakaian kononnya bagi tujuan pemeriksaan kanser serviks dan payudara.

"Suspek menyatakan hanya perlu menggunakan gambar mangsa tanpa pemeriksaan secara fizikal. Mangsa menyedari dirinya ditipu selepas itu dan membuat laporan polis kerana bimbang gambar-gambar peribadinya tersebar," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Hasbullah menasihatkan ibu bapa dan masyarakat lebih peka terhadap isu semasa berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan tidak sewenang-wenangnya berkongsi maklumat peribadi kepada individu tidak dikenali.

"Orang ramai juga disaran mengaktifkan ciri keselamatan *two-step verification* pada aplikasi Telegram sebagai langkah melindungi akaun media sosial dan platform komunikasi.

"Kita telah membuka satu kertas siasatan mengikut Seksyen 15(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kes itu boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Nur Munawarah di talian 011-16240391 atau Bilik Gerakan Ibu pejabat Polis (IPD) Manjung di talian 05-688 6222, selain hotline WhatsApp 017-682 8005 bagi membantu siasatan.